

# Bukti kerajaan prihatian

**42 nelayan darat di Empangan Sembong bakal terima jeti terapung**

JULIZA MOHD SAAD

KLUANG

**K**omuniti Perikanan Darat di Empangan Sembong, di sini, bakal menerima kemudahan jeti terapung sekali gus menjadi pangkalan pengumpulan hasil

tangkapan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr Ismail Bakar berkata, pembinaan jeti tersebut akan dilaksanakan secepat mungkin selepas mendapat keizinan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

"Jeti berkenaan dibina berdasarkan permohonan nelayan darat di Empangan Sembong. Kita lihat bagaimana jeti berkenaan dapat membantu memperbaiki kehidupan 42 nelayan darat di Empangan Sembong.

"Anggaran peruntukan yang diperlukan tidak lebih



Ismail menyempurnakan pelepasan benih-anak ikan ke dalam Tasik Empangan Sembong.

dari RM30,000 bagi membina jeti terapung ini. Dengan kemudahan ini kehidupan nelayan darat dapat diperbaiki kerana pada masa ini keadaan di kawasan ini tidak teratur," katanya selepas majlis bersama Komuniti Perikanan sempena program pelepasan benih ikan perairan umum dan penyerahan bantuan 'Touch Point' kepada Komuniti Perikanan Darat negeri Johor di Empangan Sembong, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd Nawi, Pengurus Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia merangkap Ketua Unino Bahagian Ayer Hitam, Datuk Samisolbari Jamali.

Turut disampaikan penyerahan bantuan Elauni Sarawak Hidup Nelayan Darat (ESHND) sebanyak RM200 sebulan kepada 105 nelayan darat Empangan Sembong dengan jumlah peruntukan

sebanyak RM252,000.

Nelayan darat berkenaan juga menerima bantuan tambahan berupa jaring dan seramai 40 nelayan dari Batu Pahat serta Kluang menerima sijil Bantuan TouchPoint.

Lebih 22,000 benih anak ikan pelbagai jenis turut dilepaskan ke dalam Tasik Empangan Sembong.

Sementara itu, Ketua Komuniti Perikanan Darat Empangan Sembong, Azmi Sahadan berkata, pelbagai



Ismail (dua, kiri) menyampaikan replika cek kepada wakil Komuniti Perikanan Darat Empangan Sembong.

**info**

Kerajaan peruntuk RM252,000 bantu nelayan darat di Empangan Sembong.

bantuan dan kemudahan yang diterima bukti kerajaan amat prihatin dengan nasib nelayan darat.

"Saya ucap terima kasih kepada kerajaan di atas bantuan elauan sara hidup selain pembinaan jeti terapung dan bantuan perumahan dan naik taraf serta baiki rumah di bawah Perumahan Nelayan Darat," katanya.

Nelayan darat, Khairul Zaman Mohd Saad, 31, berkenaan juga menerima bantuan tambahan berupa jaring dan seramai 40 nelayan dari Batu Pahat serta Kluang menerima sijil Bantuan TouchPoint.

"Saya mula berjinak-jinak dalam bidang nelayan sejak darjah dua kerana ikut ayah.

"Disebabkan sudah biasa saya jadikan kerja ini sebagai punca pendapatan saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dengan pemberian bantuan ini," katanya.